

SkytiderTM: Inovasi penggantung

Kerja memasang dan menurunkan gegantung (*bunting*) luar pada tiang lampu setiap kali program dijalankan di sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) sering mengundang kesukaran dan risiko kepada staf yang bertugas. Malah, disebabkan kaedah pemasangan konvensional, pemasang terdedah kepada pelbagai risiko.

Dari situ, tercetusnya idea kepada Kumpulan Langit Putra iaitu Kumpulan Kreatif dan Inovasi (KIK) gabungan dua entiti di bawah Putra Science Park (PSP) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM untuk menghasilkan inovasi bermanfaat dinamakan SkytiderTM.

Menurut Pegawai Penyelidik Putra Science Park, selaku ketua kumpulan Langit Putra, Asrizam Esam, SkytiderTM merupakan inovasi alat penggantung gegantung pada tiang tanpa menggunakan tangga atau kren yang direka khas bagi memudahkan kerja-kerja penggantungan gegantung.

"SkytiderTM bercirikan mudah alih, ringan, kurang tempoh masa pemasangan, murah dan boleh digunakan di pelbagai permukaan kawasan tanah di sekitar tiang yang

berhalangan atau tidak rata," katanya.

Menariknya, inovasi SkytiderTM ini merupakan alat pertama berjaya dibangunkan menggunakan bahan terpakai daripada besi gegantung dalam yang telah rosak jenis *t-stand*, *x-stand* dan *roll-up bunting*.

"Kelebihan SkytiderTM terletak kepada kebolehannya mengangkat *bunting* hingga ke ketinggian tiga meter, paras esuai menggantung bunting dan berkeupayaan mengikat bunting menggunakan tali pengikat (*cable tie*)," jelasnya.

Selain itu, kaedah pemasangan juga menjadi lebih mudah dan praktikal kerana boleh dikendalikan seorang pemasang sahaja.

Ciptaan ini mendapat pengiktirafan di peringkat UPM bagi dua tahun berturut-turut iaitu penarafan Emas dan Tempat Pertama bagi Anugerah KIK UPM 2017, dan Tempat Pertama bagi Anugerah Inovasi dan Perkhidmatan UPM 2016. Inovasi ini turut terpilih mewakili UPM dalam pertandingan KIK peringkat Universiti Awam yang akan diadakan pertengahan Ogos ini.



Kumpulan Langit Putra bersama inovasi SkytiderTM yang dihasilkan.

aktiviti